

Publication: Berita Harian (Page 2)

Date: 6 Jul 2012

Headline: 1,300 diterima masuk Institut Teknologi Singapura

1,300 diterima masuk Institut Teknologi Singapura

Oleh **NURUL 'AIN RAZALI**
nrazali@sph.com.sg

SERAMAI 1,300 pelajar – kebanyakannya mereka lulusan politeknik setempat – diterima mengikuti 24 program ijazah sarjana muda dalam enam bidang di Institut Teknologi Singapura (SIT).

Mereka dipilih daripada 5,000 permohonan bagi kemasukan tahun akademik 2012/2013, yang bermula bulan depan.

Jumlah itu merupakan kemasukan tertinggi sejak SIT ditubuhkan pada 2009. Pada 2010, hanya 500 pelajar diterima bagi 10

program ijazah sarjana muda.

Pembinaan bangunan SIT di Politeknik Temasek (TP) bermula semalam dengan majlis pecah tanah. Apabila siap lewat 2014, bangunan lima tingkat di kampus SIT TP itu boleh menampung 900 pelajar.

Direka Forum Architects Pte Ltd, ia akan mempunyai studio-studio rekaan, teater masakan dan dapur serta kafe latihan.

Antara ciri menariknya ialah pemandangan indah Takungan Air Bedok yang boleh dinikmati pelajar dari bilik darjah masing-masing.

SIT dijangka menerima 2,000 mahasiswa sepenuh masa menjelang 2015.

Buat masa ini, semua pelajarannya belajar di kampus lima politeknik di serata negara.

SIT menawarkan enam bidang pengajian – kejuruteraan dan sains gunaan; sains perubatan; reka bentuk; media digital interaktif; pendidikan; dan pelayanan.

Menurut Pengarah Perhubungan pemasaran SIT, Encik Desmond Soon, 95 peratus pelajar institut itu lulusan politeknik setempat, merangkumi kedua-dua golongan, dewasa dan lepasan baru.

Kampus SIT TP bekerjasama dengan dua institut terkemuka dunia – Sekolah Seni Glasgow (GSA) dan Institut Masak-Memasak Amerika (ICA) – bagi menjalankan tiga program ijazah sarjana muda berbeza.

Seramai 100 pelajar akan menjalani program ijazah sarjana muda dengan kepujian dalam bidang reka bentuk perhubungan dan reka bentuk dalaman daripada GSA, sementara 42 pelajar akan menjalani program ijazah sarjana muda pengajian profesional dalam bidang pengurusan seni masakan daripada ICA.